

**D.R. 44/2024**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas**

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2024.

**Seksyen baharu 41A**

**2.** Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [*Akta 334*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 41 seksyen yang berikut:

**“Memujuk atau mendesak**

**41A.** (1) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, memujuk atau mendesak bagi maksud menawarkan perkhidmatan yang berkaitan dengan menerima untuk sewa atau upah untuk membawa penumpang atau berulang-alik untuk sewa

atau upah, sama ada dilakukan oleh orang itu atau tidak, di mana-mana tempat awam atau kawasan sampingannya atau di sekitar tempat itu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, seorang pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang telah melakukan atau disyaki telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini dan hendaklah tanpa kelengahan yang tidak perlu, membawa orang yang ditangkap itu ke balai polis yang paling hampir, dan selepas itu orang itu akan diperlakukan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “tempat awam” termasuk semua bahagian dalam suatu lapangan terbang yang boleh dimasuki secara bebas oleh orang awam, mana-mana jalan, mana-mana terminal, atau mana-mana tempat yang telah diwartakan sebagai suatu perhentian bagi kenderaan perkhidmatan awam.”.

### **Seksyen baharu 49A**

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 49 seksyen yang berikut:

#### **“Majistret mempunyai bidang kuasa penuh**

**49A.** Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang bertentangan, mahkamah Majistret Kelas Satu mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan boleh menjatuhkan hukuman penuh bagi apa-apa kesalahan itu.”.

### **Kecualian**

4. (1) Apa-apa prosiding yang dimulakan atau yang belum selesai sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(2) Apa-apa obligasi, liabiliti, hilang kelayakan, penalti atau hukuman yang terakru atau dikenakan di bawah Akta ibu boleh, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan, dikuatkuasakan, dikenakan dan diuruskan, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

---

#### **HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (“Akta 334”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 41A bagi memperuntukkan kesalahan memujuk atau mendesak bagi mana-mana orang yang menawarkan perkhidmatan membawa penumpang tanpa kuasa yang sah di mana-mana tempat awam atau kawasan sampingannya.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 49A untuk memberikan kuasa kepada mahkamah Majistret Kelas Satu untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta 334 dan boleh menjatuhkan hukuman penuh bagi apa-apa kesalahan itu.
5. *Fasal 4* mengandungi peruntukan kecualian.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3360]